



**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA**  
**BORANG PERMOHONAN UNTUK PENGGUNAAN CERMIN GELAP PADA KENDERAAN**

**BAHAGIAN A : BUTIR-BUTIR PEMOHON**

---

1. Nama Pemohon : \_\_\_\_\_
2. No Kad Pengenalan/Pasport : \_\_\_\_\_ 3. Tarikh Lahir : \_\_\_\_\_
4. Umur : \_\_\_\_\_ 5. Jantina : \_\_\_\_\_
6. Alamat : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
7. No Telefon Rumah: \_\_\_\_\_ Pejabat: \_\_\_\_\_ Bimbit : \_\_\_\_\_
8. Pekerjaan : \_\_\_\_\_

**BAHAGIAN B : BUTIR-BUTIR KENDERAAN**

---

1. No Pendaftaran : \_\_\_\_\_
2. Pembuat : \_\_\_\_\_ 3. Model : \_\_\_\_\_
3. No Casis : \_\_\_\_\_ 5. No Enjin : \_\_\_\_\_
6. Lesen Kenderaan Motor
- (i) No Siri \_\_\_\_\_ (ii) Tarikh Tamat : \_\_\_\_\_

## **BAHAGIAN C : SEBAB-SEBAB PERMOHONAN**

---

Sila sertakan dokumen-dokumen sokongan berikut mengikut mana yang berkenaan :

### **Kesihatan**

- i) Rekod-rekod Perubatan Dari Hospital Kerajaan
- ii) Laporan Doktor Hospital Kerajaan
- iii) Surat Pengesahan Doktor Hospital Kerajaan
- iii) Lain-lain Dokumen Sokongan


### **Keselamatan**

- i) Surat Kelulusan Ketua Polis Negeri
- ii) Lain-lain Dokumen Sokongan


### **Kenderaan Diplomat**

- i) Surat Perakuan Daripada Kementerian Luar Negeri
- ii) Surat Kebenaran Kastam Dan Eksais DiRaja
- iii) Salinan Paspot
- iv) Surat Dari Kedutaan Yang Berkenaan


## **BAHAGIAN D : PENGAKUAN PEMOHON**

---

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan di dalam borang ini termasuk dokumen yang disertakan adalah benar. Saya memahami jika sekiranya ada di antara maklumat ini didapati palsu, permohonan saya tidak akan dipertimbangkan.

Tarikh : \_\_\_\_\_ Tandatangan pemohon : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

No. KP / Paspot : \_\_\_\_\_

## SYARAT-SYARAT DAN PANDUAN PEMASANGAN DAN PENGGUNAAN KACA GELAP

### 1. Prosedur Permohonan

- (i) Pemohon dikehendaki mengemukakan surat permohonan secara bertulis kepada Pengarah Penguatkuasa, Ibu Pejabat JPJ Putrajaya.
- (ii) Permohonan hendaklah disertakan dengan Borang CG1 yang boleh didapati di mana-mana JPJ Negeri secara percuma atau melalui laman web JPJ.
- (iii) Borang CG1 hendaklah diisi dan dikemukakan bersama dua salinan kad pengenalan, salinan kad pendaftaran kenderaan dan dokumen sokongan yang berkaitan.
- (iv) Salinan kad pengenalan dan salinan kad pendaftaran kenderaan mestilah disahkan oleh mana-mana Pegawai Kerajaan kumpulan A
- (v) Permohonan bagi setiap kenderaan hendaklah dibuat secara berasingan dan ditandatangani dengan jelas oleh pemohon.
- (vi) Permohonan atas alasan kesihatan dan keselamatan yang disertakan dengan dokumen sokongan sahaja yang akan dipertimbangkan.
- (vii) Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen sebagaimana berikut:

- a) Satu set borang B2 (Pemeriksaan PUSPAKOM) yang asal dan satu set untuk salinan pejabat. (Pemeriksaan hanya untuk kenderaan yang memang berkaca gelap dari negara asal).

#### bagi permohonan berasaskan kesihatan

- b) Surat pengesahan asal oleh pakar perubatan dari hospital atau klinik kerajaan dengan menyatakan jenis atau nama penyakit secara spesifik.
- c) Salinan laporan atau rekod-rekod perubatan yang disahkan oleh pakar perubatan dari hospital atau klinik kerajaan.

#### bagi permohonan berasaskan keselamatan

- d) Pemohon hendaklah menulis kepada Ketua Polis Negeri memaklumkan permohonan untuk menggunakan kaca gelap dan pohon sokongan Ketua Polis Negeri dengan menyatakan sebab-sebab bagi permohonan pengecualian tersebut.
- e) Surat jawapan daripada Ketua Polis Negeri hendaklah dikembalikan bersama dokumen-dokumen permohonan.
- (viii) Kelulusan diberikan untuk tempoh satu tahun sahaja dan pemohon tidak semestinya diberikan kelulusan secara automatik pada tahun-tahun berikutnya.
- (ix) Bagi permohonan untuk tujuan pembaharuan
  - a) Surat permohonan pembaharuan.
  - b) Salinan kad pengenalan dan kad pendaftaran kenderaan yang telah disahkan.
  - c) Surat pengesahan terkini oleh pakar perubatan dari hospital/klinik kerajaan untuk permohonan berasaskan kesihatan.
  - d) Surat sokongan terkini daripada Ketua Polis Negeri untuk permohonan berasaskan keselamatan.

### 2. Proses Permohonan Kaca Gelap

- i) Unit perundangan akan mengkaji dan menyemak setiap permohonan sama ada permohonan baru atau permohonan untuk pembaharuan.
- ii) Bagi Permohonan yang tidak lengkap atau tidak disertakan dengan dokumen sokongan yang berkaitan, satu surat penjelasan akan dihantar kepada pemohon.
- iii) Unit perundangan akan mengemukakan syor melalui borang CG2 kepada Ketua Pengarah untuk persetujuan/kelulusan.
- iv) Surat kelulusan atau penolakan akan dihantar kepada pemohon berdasarkan alamat di borang CG1 atau di surat permohonan.

### 3. Tanggungjawab pemohon

- i) Selepas surat kelulusan diterima, pemohon dikehendaki membawa surat kelulusan bersama-sama kad pendaftaran kenderaan ke JPJ berhampiran untuk diendoskan.
- ii) Kegagalan pemohon mengendoskan kelulusan pada kad pendaftaran kenderaan boleh merupakan suatu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan saman.

### 4. Penalti

- i) Memasang dan menggunakan kaca gelap tanpa kelulusan merupakan satu kesalahan di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Jenis-Jenis Kaca Tertentu) 1991.
- ii) Mana-mana orang yang gagal mematuhi kaedah ini sekiranya disabitkan boleh dikenakan tindakan:
  - a) Denda tidak melebihi RM500 atau penjara tidak melebihi dua (2) minggu untuk kesalahan kali pertama;
  - b) Denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi satu (1) bulan atau kedua-duanya untuk kesalahan kali kedua dan berikutnya.

### 5. Alamat

Pengarah  
Bahagian Penguatkuasa,  
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia  
Aras 1, Blok D4, Kompleks D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62620 PUTRAJAYA.

No.Tel : 03 88866725/ 03 88866736  
No.Faks : 03 88866726